

NO. SOALAN: 42

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]**

**SOALAN :**

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemegang sijil pengiktirafan pengesahan Halal mengikut sektor dan kaum serta faktor yang menyukarkan sesetengah pemohon gagal mendapat pengesahan tersebut.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang masih sah ialah sebanyak 8,875 buah syarikat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,594 adalah bumiputera, manakala 6,281 adalah bukan bumiputera.

Jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia mengikut sektor /skim pensijilan adalah seperti berikut:

<b>SEKTOR/SKIM</b>	<b>JUMLAH</b>
Produk Makanan/Minuman	6,776
Premis Makanan	1,714
Rumah Sembelih	228
Farmaseutikal	108
Kosmetik	31
Logistik	16
Barang Gunaan	2
<b>JUMLAH</b>	<b>8,875</b>

Berdasarkan penelitian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), antara faktor yang menyebabkan sesetengah pemohon gagal untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah seperti berikut:

- i. kurang kefahaman berkaitan standard, syarat dan keperluan pensijilan serta prosedur permohonan Pensijilan Halal Malaysia;
- ii. membuat permohonan tanpa persediaan dan perancangan yang teratur; dan
- iii. tidak ada komitmen untuk mengambil tindakan pembetulan (*corrective action*) terhadap notis ketidakakuran yang telah dikeluarkan semasa pengauditan dijalankan

Sekian, terima kasih.

iv. tidak ada komitmen untuk mengambil tindakan pembetulan (*corrective action*) terhadap notis ketidakakuran yang telah dikeluarkan semasa pengauditan dijalankan

Sekian, terima kasih.